



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF
MENTERI PERTAHANAN II**

**MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L)
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KDYMM YANG KE-71 TAHUN
(TAHUN 2017);
PENYAMPAIAN SIJIL & CENDERAHATI KEPADA
PESARA-PESARA AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN
PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2017
SERTA
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

HARI RABU,

27 SYAWAL 1439H / 11 JULAI 2018M

**DEWAN PERSIDANGAN BRIDEX,
JERUDONG**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَسَلَامٌ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia

Pengerusi-pengerusi Bersama Majlis:

Yang Mulia

Awang Shahminan bin Haji Tengah,

Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia;

Yang Mulia,

Kolonel Pengiran Azmali bin Pengiran Haji Mohd Salleh, Pengarah

Logistik;

Yang Mulia

Dayang Hajah Marliyana binti Haji Abdullah Fung,

Pengarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja;

Yang Mulia

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Mulia

Setiausaha-Setiausaha Tetap yang diundang;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan;

Pemerintah-Pemerintah Tentera;

Pengarah-Pengarah;

Komandan-Komandan;

Pegawai-Pegawai Kanan;

Para penerima-penerima Pingat Kerja Lama dan penerima penghargaan yang diraikan, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan yang dirahmati Allah yang peramba/saya hormati dan kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya jua, kita dapat berkumpul bersilaturrahim pada pagi Rabu ini dalam kesegaran udara bulan Syawal yang masih hangat dirasakan walaupun sudah di penghujungnya bagi **Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama** kepada pegawai dan kakitangan awam bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-71 tahun, yang digabungkan dengan **Majlis Penyampaian Sijil**

dan Cenderahati kepada para pesara awam dan para **penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam** semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam ke-24, tahun 2017 yang lalu. Ketiga-tiga majlis ini juga diselajurkan dengan sukut baik Majlis Sambutan Hari Raya Fitrah peringkat Kementerian Pertahanan pada tahun ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Dalam kepelbagaian acara dan *milestones* yang kita raikan pada pagi ini, yang lebih penting ianya adalah sebagai satu titik refleksi dan renungan tentang erti serta kepentingan niat, pengorbanan, dan dedikasi dalam pengabdian tulus menunaikan amanah, tugas dan tanggungjawab demi agama, raja, bangsa dan negara kita yang kita sama cintai.

3. Bidang pekerjaan merupakan salah satu komponen yang terbesar sepanjang hayat yang dipinjamkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada kita di dunia ini sesuai dengan pengetahuan dan kepakaran kita. Ianya bukan suatu perjalanan yang senang untuk dilalui. Agama kita meletakkan prinsip dan nilai yang perlu dipelihara supaya pekerjaan dan amanah yang kita tanai dan tunaikan menjadi Ibadah untuk kita menuju keredhaanNya serta memperoleh keuntungan rezeki dan pahala di dunia dan di akhirat.

4. Dalam hal ini, peramba/saya ingin memperingatkan kepada hadirin sekalian antara isi kandungan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1439/2018 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 21 Syawal 1439 bersamaan 05 Julai 2018 baru-baru ini di mana Baginda menekankan bahawa apa pun pekerjaan itu adalah rezeki dan apa yang penting ialah kesabaran dan kegigihan bagi memperolehi keberkatan yang lumayan.

5. Dalam menjunjung tinggi titah Baginda itu, peramba/saya mengingatkan kepada semua bahawa ianya setentunya adalah satu aspek kehidupan yang sangat bernilai yang perlu kita galas dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, dengannya kehidupan di dunia akan lebih bererti dan menjadi pelaburan bermakna untuk hari akhirat.

Hadirin dan Hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

6. Kepentingan sumber tenaga manusia adalah salah satu *key results area* bagi pencapaian kemajuan khususnya kitani di Kementerian Pertahanan untuk menjana pertahanan yang mampan. Perkara ini adalah antara isu yang telah peramba/saya

gariskan semasa Musim Permesyuaratan Ke-14, Majlis Mesyuarat Negara pada bulan Mac yang lalu melalui akronim IKWONDAMAI.

7. Peramba/saya ulangi di sini kualiti adalah perlu dimiliki dan terserlah pada semua lapisan warga Kementerian di mana golongan awam dan tentera sama-sama memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan pencapaian matlamat dan strategi Kementerian Pertahanan sebagai institusi yang berpegang teguh mengamalkan nilai-nilai terasnya dan mendokong konsep/falsafah negara.
8. Bagi warga Kementerian Pertahanan yang baharu sahaja memasuki alam persaraan, jasa dan bakti yang biskita taburkan dalam memberikan sumbangan kepada pertahanan negara tidak akan dilupakan, insyaAllah. Adalah suatu kebanggaan bersama titik peluh serta pengorbanan tenaga dan masa biskita semua, telah menjadikan organisasi kita dapat berdiri teguh dan maju ke hadapan dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan bagi rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin dan juga pembangunan negara berjalan sempurna khususnya di dalam bersama menjayakan Wawasan 2035 Negara.

9. Sehubungan ini, peramba/saya mengambil kesempatan istimewa ini untuk dengan tulus ikhlas menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas curahan khidmat bakti dan sumbangan Tuan-Tuan dan Puan-Puan selama ini. Besar atau kecil sumbangan itu atau pendek dan panjangnya perkhidmatan itu bukan menjadi ukuran tetapi nilai keikhlasan dan keluhuran budi dan jasa itulah yang lebih utama. Semuanya memberi impak yang signifikan kepada keharmonian dan pembangunan institusi dan negara.

10. Peramba/saya berharap penghargaan yang diberikan kepada biskita pada hari ini akan dijadikan sebagai kenangan manis dan abadi yang dapat dijadikan penyuntik semangat kepada mereka yang masih berkhidmat untuk terus memajukan diri dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab di kerjaya. Peramba/saya juga mengingatkan bahawa kecemerlangan ini tidak semestinya sesuatu yang *constant* dan berlandaskan kehebatan diri sendiri sahaja. Malahan, dengan setiap langkah yang diambil dalam menempuh pahit manis alam pekerjaan, ianya memerlukan tahap dedikasi dan komitmen tinggi serta iltizam secara berterusan di samping menyedari kepentingan semangat bekerjasama secara berpasukan dengan rakan-rakan seperjuangan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba/saya mendoakan agar mereka yang diraikan pagi ini, baik yang akan dan telah bersara juga yang masih meneruskan perkhidmatan akan sentiasa maju jaya, diberkati dalam alam kehidupan masing-masing dan dalam setiap usaha dan amanah yang dilaksanakan.
12. Peramba/saya juga mengambil kesempatan istimewa ini untuk mengucapkan kepada semua yang hadir di majlis ini khususnya yang beragama Islam Selamat Meraikan hari-hari terakhir Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.
13. Peramba/saya sangat berharap momentum suasana kegembiraan dalam meraikan bersama sambutan hari ini, sebagai sebuah Kementerian bersama tetamu-tetamu, bersukut baik bulan Syawal, bulan kita meraikan kemenangan setelah kita berjaya melaksanakan ibadah fardhu puasa dan amalan-amalan di dalamnya di bulan Ramadhan, kita berharap sebagai salah satu hikmahnya, inshaa Allah ikatan silaturrahim dan perpaduan sesama kita akan lebih erat terjalin dan kukuh. Kita berdoa dengan izinNya jua untuk kita dipertemukan lagi di bulan Syawal yang akan datang.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته